

22/03/2004

BN dapat mandat besar (HL)

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN), yang mendapat mandat besar dengan majoriti dua pertiga dalam Pilihan Raya Umum ke-11 awal pagi ini, berjaya merampas semula Terengganu dan memerlukan tiga lagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menguasai Kelantan.

Gabungan 14 parti komponen pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu membentuk kerajaan dengan majoriti mudah pada jam 12.50 pagi apabila ia menguasai 110 daripada 219 kerusi Parlimen, sebelum memperoleh majoriti dua pertiga dengan 146 kerusi pada jam 1.46 pagi.

Sehingga jam 3.30 pagi, BN menang 187 kerusi Parlimen, 10 DAP, empat Pas dan satu Bebas. BN juga menubuhkan kerajaan di semua negeri, kecuali di Kelantan di mana ia mendapat 20 kerusi dan 18 dimenangi Pas, manakala keputusan di tujuh kerusi dikira semula hari ini.

Terengganu yang menguasai 28 daripada 32 kerusi DUN, manakala kerusi DUN Batu Buruk akan dikira semula hari ini. BN menyapu bersih semua lapan kerusi Parlimen di negeri itu.

Pilihan raya kali ini bagaimanapun menyaksikan kemenangan semula DAP di beberapa kawasan tradisinya. Setakat ini, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang mengadakan pakatan dengan Pas dan Parti Rakyat Malaysia gagal memenangi sebarang kerusi setakat ini.

Abdullah, yang pertama kali mengetuai BN menghadapi pilihan raya umum, mengekalkan kerusi Parlimen Kepala Batas untuk kali ketujuh dengan mencatat majoriti 18,122 undi, menewaskan Abdul Khalid Rashid (Pas). Perdana Menteri memperoleh 25,403 undi manakala pencabarnya mendapat 7,281 undi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pula berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Pekan dengan majoriti 10,339 undi, menewaskan calon Pas, Brig Jen (B) Datuk Zakaria Dahlan.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kalah di Parlimen Marang kepada musuh tradisi, Datuk Abdul Rahman Bakar. Hadi, yang kali kedua tewas kepada Rahman bagaimanapun kekal di DUN Rhu Rendang.

BN juga mendahului Pas di Kedah dan melenyapkan impian Pas untuk menawan Perlis. Di Kedah BN menang 13 kerusi DUN dan dua Pas, manakala BN menyapu bersih semua tiga kerusi Parlimen dan 14 kerusi DUN di Perlis.

Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh yang dinamakan sebagai bakal Menteri Besar Terengganu jika BN kembali berkuasa, menang di kerusi DUN Jertih, menewaskan Hassan Salleh (Pas) dengan majoriti 2,047 undi.

Semua menteri besar dan ketua menteri juga berjaya mempertahankan kerusi masing-masing, manakala Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed menang di Parlimen Jeli dan DUN Air Lanas.

Sebahagian besar pemimpin kanan Pas tewas. Selain Hadi, tokoh Pas Pusat yang tewas ialah dua Naib Presidennya, Datuk Dr Hassan Mohd Ali di Parlimen Parit Buntar dan DUN Sungai Burung; Datuk Mustafa Ali di Parlimen Dungun dan DUN Pengkalan Berangan; Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa di Besut serta Ketua Penerangannya, Datuk Dr Haron Din di Parlimen Arau dan DUN Tambun Tulang.

DAP dijangka menjadi pembangkang terbesar di Parlimen apabila menguasai kerusi Bagan, Bukit Mertajam, Tanjung, Bukit Gelugur, Bandar Kuching, Ipoh Timur, Kepong, Seputih, Batu Gajah dan Cheras. Pas pula menang di Kubang Kerian, Pengkalan Chepa, Pasir Mas dan Rantau Panjang manakala seorang calon Bebas menang di Sandakan.

Undi bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh, Kota Melaka, Bukit Bintang, Ipoh Barat dan Machang serta tujuh DUN di Kelantan dikira semula mulai jam 10 pagi ini. Pengundian semula bagi DUN Sungai Lembing pula akan diadakan Ahad depan.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting menang di Tanjung Piai; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu (Sungai Siput); Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Bruas) dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas (Taiping).

Muka baru, Datuk Dr Mashitah Ibrahim mengalahkan Taib Azamuddin Md Taib di Baling, manakala Datuk Dr Johari Baharom yang bertanding di Parlimen Kubang Pasu, menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad menang dengan majoriti 13,712 undi.

Bagaimanapun, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang terpilih semula sebagai ahli Parlimen apabila menang di Ipoh Timur.

Di Sabah, bekas Timbalan Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk John Ghani yang bertanding atas tiket Bebas, berjaya menyingkirkan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Wences Angang (BN) di DUN Kuala Penyu.